

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD**  
**RAMLI [LUMUT]**  
**TARIKH** : **09 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [LUMUT]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada jumlah Judi Cabutan Khas (special draw) akan dikaji semula dalam masa terdekat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan komited untuk tidak menambah bilangan cabutan khas melebihi daripada siling yang ditetapkan, serta tidak mengeluarkan lesen baru bagi sebarang operasi perjudian. Ini adalah selaras dengan dasar semasa Kerajaan untuk tidak menggalakkan perjudian.

Sebagai langkah kawalan, Kementerian Kewangan juga telah menetapkan syarat-syarat yang ketat kepada pemegang lesen bagi memastikan industri perjudian dapat dikawal dengan berkesan. Tambahan lagi, kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan akan ditingkatkan untuk memerangi aktiviti perjudian haram.

Kementerian Kewangan mengambil maklum cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, dan sedang meneliti cadangan bilangan cabutan khas. Ini terutamanya dari segi kesan langkah tersebut terhadap peningkatan perjudian haram, serta aspek perniagaan operator agensi nombor ramalan.

Sekian, terima kasih.